

CNS9276

U GB 26-09 00190 BA605

aab

BIARLAH RAKYAT M'SIA TENTUKAN MASA DEPAN SENDIRI, KATA MAHATHIR

Mahathir - Masa Depan

Daripada Syed Jamil Jaafar

I

NEW YORK, 26 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari Rabu berkata Malaysia hendaklah diberikan kebebasan untuk mencorakkan masa depannya dan tidak dipaksa menuruti apa yang orang lain fikir baik untuk negara ini.

+Sekiranya apa yang dikatakan hak asasi manusia itu wujud, maka biarlah hak asasi itu diperluaskan bagi memberi peluang kepada rakyat Malaysia membuat pilihan.

+Cara Malaysia menuju kemajuan mungkin tidak menepati keinginan setiap pihak tetapi ia adalah pilihan kami,+ katanya.

Ketika berucap kepada Persatuan Asia pada pertemuan jamuan tengah hari di sini yang bertemakan +Ekonomi Malaysia: Arah Ke Hadapan+, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, apa yang diperlukan oleh Malaysia ialah kurangnya campur tangan daripada kumpulan yang mendakwa mereka sahaja yang tahu dan matlamat mereka kononnya +untuk membebaskan kami daripada diri kami sendiri.+

+Perlu diterima hakikat bahawa ada banyak cara untuk ke syurga, dan idea untuk menggunakan sebuah model tunggal yang sempurna tidak boleh diterima oleh kami,+ katanya. -- Lagi.

♥26/09/11-10MST

CNS9285

U GB 26-09 00140 BA606

aab

Mahathir - Masa Depan 2 New York

Beliau berkata sesebuah kerajaan tidak sepatutnya berselindung di belakang pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan sesebuah negara tidak patut merasa kurang senang sekiranya Malaysia bertindak balas dengan cara yang sama, apabila mereka sengaja cuba memburuk-burukkan negara ini.

+Negara-negara yang kononnya bertamadun itulah yang sebenarnya lebih banyak menyorokkan pekung di dada mereka daripada Malaysia,+ katanya.

ketika menjelaskan mengenai +Wawasan 2020+ untuk menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020, beliau berkata konsep itu tidak hanya menumpukan kepada pendapatan per kapita tetapi juga kepada kualiti hidup dan tatasusila.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata model-model masa kini yang lebih mementingkan kebendaan tidak boleh diterima oleh Malaysia.

+Kami berharap dunia akan memberi kami kebebasan untuk memilih dan tidak mengganggu kami supaya menurut kehendak mereka.+ -- Lagi.

♥26/09/11-37MST

CNS9291

U GB 26-09 00166 BA610

aab

Mahathir - Masa Depan 3 New York

Tema ucapan Perdana Ment **cri.** sama seperti ucapan **beliau** pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke-46 pada hari Selasa ke t ika **beliau** mengulas dengan panjang lebar **mengenai demokrasi dan hak negara-negara** membangun untuk mempunyai tafsiran mereka sendiri mengenai **demokrasi**.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia telah menyimpang **daripada model** pembangunan **yang** dianjurkan oleh **negara-negara, utara** menerusi **Rank Dunia** dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ke t ika negara-negara barat mencapai **kemerdekaan**.

Model itu telah menyatakan bahawa **negara-negara yang baru** mencapai kemerdekaan perlu mengeluarkan dan **mengekspor** t bahan mentah dan barangan siap kepada negara-negara **utara** dan hasil pendapatan mereka digunakan untuk membayar barangan. jentera dan teknologi **yang** diimport, juga dari **utara**.

Ia juga meminta supaya hutan belantara diterokai dan **ditanam** dengan tanaman **yang** menggunakan bahan kimia **clan baja** dari **negara-negara ut ara**.

Model itu akan membawa **kepada** pengeluaran **yang** berlebihan dan penurunan harga barangan **clan** kemerosotan perdagangan bagi **negara-negara** membangun, katanya. -- Lagi.

▼26/09/11-58MST

U GB 26-09 00156 BA611

aab

Mahathir - Masa Depan 4 New York

Sejak lebih satu dekad yang lalu Malaysia telah memilih untuk menumpukan kepada pembangunan ekonomi dan untuk mengurangkan percakaran **poli t ik** ke tahap **minimum**.

Dan untuk membolehkan negara cepat membangun, ia t erpaksa memajukan **sek tar-** perindustri kerana sektor pertanian t idak dapat menyokong j umlah pertumbuhan penduduk yang cepat yang telah meningkat daripada 10.7 juta dalam tahun 1970 kepada 18.3 juta dalam tahun 1990.

Perdana Menteri berkata **Ice tika** negara menceburi bidang perindustrian, terdapat banyak kritikan, terutamanya terhadap usaha kepada perindustrian berat seperti pembuatan besi waja **clan kereta**.

**Tetapi** hari ini perusahaan-perusahaan itu dan perusahaan lain telah menunjukkan keuntungan yang menggandakan, dan kumpulan pengkritik itu tidak selan **tang** dahulu **lag i** walaupun mereka masih curiga.

Datuk Seri Dr Mahathir juga memberitahu para **I-iadirian yang** terdiri daripada ahli-ahli perniagaan terkemuka **bahawa Malaysia** sentiasa sedar mengenai perlunya kestabilan politik **untuk mencapai per turnbuhan** ekonomi.-- Lagi.

▼26/09/12-01MST

CNS9296

U GB 26-09 00089 BA612

aab

Mahathir - Masa Depan 5 (Akhir) New York

**Dari** mula lagi, pelbagai kaum di negara ini telah berusaha menggubal satu **sis t cm** untuk bekerjasama.

Perkongsiannya antara pelbagai kaum telah membawa **kepada kes t abi lan** di negara ini seperti **i. yang** terbukti, dengan **kemajuan** pembangunan yang pesat pada masa ini.

+Kami berpendapat kami mempunyai **formula yang** betul dan kami akan terus menggunakannya.

+Kami j uga percaya perkongsiannya kekayaan negara oleh semua pihak adalah penting bagi mengekalkan kestabilan ini, +katanya.-- Bernama.

▼26/09/12-02MST